

Rekaan kalung tradisional Melayu

Kesenian Islam



Oleh DR. ROS MAHWATI AHMAD ZAKARIA
Institut Alam dan Tamadun Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
rosmahwati@ukm.edu.my

PERHIASAN seperti barang kemas merupakan penyeri kepada penampilan seseorang pemakai.

Golongan wanita di seluruh dunia sering dikaitkan sebagai pencinta dan pengguna barangan kemas dalam penampilan harian mereka.

Masyarakat Melayu mempunyai sejenis perhiasan dada yang dikenali sebagai kalung. Rekaan lama kalung masyarakat Melayu mempunyai saiz yang besar dan hiasan berjurai bagi memperlihatkan kehebatan serta keindahan pemakainya.

Dalam masyarakat tradisional, pemakaian kalung sebegini secara langsung membawa simbol status sosial seseorang pemakai ketika menghadiri majlis formal sama ada bagi golongan lelaki mahupun perempuan.

Pemakaian kalung juga sinonim dengan golongan istana seperti raja, permaisuri, puteri, kerabat dan bangsawan pada zaman dahulu.

DOKOH

Jenis kalung tradisional yang pertama adalah dokoh. Dokoh adalah kalung yang mempunyai tiga keping tingkat hiasan. Tetapi ada



REKAAN rantai 'dokoh beranak' tradisional yang bertatah permata.

juga rekaan dokoh yang hanya mempunyai satu atau dua keping tingkat hiasan.

Walaupun mempunyai satu tingkat kepingan hiasan, ia berbeza dengan rantai yang menggunakan loket atau buah rantai.

Dalam rekaan tradisional, kepingan hiasan dokoh ditempa dalam bentuk tiga segi atau bentuk bulan sabit.

Dokoh yang mempunyai tiga keping hiasan di mana saiznya semakin mengecil pada bahagian bawah diberi nama sebagai dokoh beranak.

Konsep ini sama dengan konsep kerongsang baju kebaya dengan kerongsang paling atas dipanggil kerongsang ibu manakala di bawahnya dipanggil kerongsang anak kerana saiznya lebih kecil berbanding di atas.

Dokoh digunakan oleh lelaki dan perempuan mengikut kesesuaian saiz.

KALUNG PAPAN

Dinamakan kalung papan kerana rekaannya mempunyai beberapa kepingan pipih yang digunakan sebagai pembahagi dan penyambung kepada beberapa utas rantai yang bersambung pada setiap bahagian.

Beberapa utas rantai digunakan memberi kesan seakan kalung ini adalah berlapis walaupun ia sebenarnya hanya satu kalung.

KALUNG PELERANG

Turut dikenali sebagai kalung pengantin. Kalung ini direka menggunakan beberapa utas rantai yang disusun secara berlapis dan bertingkat.

Bagi menambahkan sentuhan estetika kepada rekaan kalung ini, rantai pada bahagian paling bawah ditambah dengan kepingan jurai berbentuk pipih kecil. Juraian ini dipanggil sebagai anting-anting atau kida-kida.

Kalung tradisional Melayu selalunya diperbuat daripada emas, perak atau perak yang disalut emas dan kemudiannya dihias dengan ukiran kerawang serta tatahan batu permata selain penggunaan jurai anting-anting.

Batu permata yang sememangnya bernilai seperti berlian, zamrud dan delima digunakan pada rekaan

INFO

KALUNG TRADISIONAL MELAYU

- Pemakaian kalung membawa simbol status sosial bagi pemakainya.
- Kategori kalung tradisional Melayu:
 - 1- Dokoh
 - 2- Kalung Papan
 - 3- Kalung Pelerang
- Lazimnya diperbuat daripada emas, perak atau perak yang disalut emas dan dihias dengan ukiran kerawang serta tatahan batu permata selain penggunaan jurai anting-anting.
- Bentuk kalung paling dikenali generasi hari ini ialah dokoh.
- Pelbagai bentuk dokoh boleh ditemukan hari ini antaranya bentuk bujur, bulat, bunga dan bulan bintang.
- Dokoh dipadankan dengan pakaian tradisional seperti baju kurung atau baju kebaya
- Selain dokoh, pemakaian kalung jenis lain hanya dilihat pada pakaian penari tarian tradisional atau pengantin.

yang diperbuat daripada emas manakala bagi rekaan menggunakan perak atau perak bersalut emas, batu separa berharga seperti intan menjadi pilihan yang baik.

Kini, bentuk kalung paling dikenali generasi hari ini adalah dokoh.

Pelbagai bentuk dokoh boleh ditemukan pada hari ini antaranya bentuk bujur, bulat, bunga dan bulan bintang.

Dokoh dipadankan dengan pakaian tradisional seperti baju kurung atau baju kebaya.

Selain dokoh, pemakaian kalung jenis lain hanya dilihat pada pakaian penari tarian tradisional atau pengantin.

Bagi golongan lelaki, pemakaian kalung hanya digunakan ketika menjadi pengantin dalam majlis persandingan.

Bagi golongan istana, pakaian rasmi raja atau sultan tidak lagi mengenakan rekaan kalung tradisional sebagai hiasan dada, tetapi ditukar kepada rantai pingat kebesaran yang dibuat dalam bentuk kalung.



KREATIVITI reka bentuk motif moden untuk pengantin lelaki kini banyak berubah daripada reka bentuk tradisional.